

Peningkatan Permintaan Domestik Menjana Pertumbuhan Ekonomi

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Keadaan ekonomi dunia masih tidak menentu. Ianya memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara kerana Malaysia merupakan sebuah negara perdagangan. Pada tahun 2015, eksport bersih barangan dan perkhidmatan menyumbang 8.5 peratus kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) benar Malaysia. Manakala selebihnya, iaitu 91.5 peratus disumbangkan oleh permintaan domestik.

Dari segi sumbangan kepada pertumbuhan KDNK benar pula, sebahagian besarnya disumbangkan oleh permintaan domestik. Umpamanya, pertumbuhan KDNK benar untuk negara pada 2015 adalah 5.0 peratus. 4.7 mata peratus daripada 5.0 peratus tersebut adalah disumbangkan oleh permintaan domestik. Keadaan yang sama juga dijangka untuk tahun 2016. Data rasmi untuk 2016 masih belum dikeluarkan.

Keadaan semasa kini, permintaan antarabangsa masih lemah untuk menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Namun, permintaan domestik adalah jauh lebih penting untuk memacu pertumbuhan KDNK. Oleh yang demikian, tumpuan harus diberi kepada usaha untuk meningkatkan permintaan domestik untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Perlu diingat, pertumbuhan permintaan domestik yang tinggi merupakan 'bahan api' kepada peningkatan harga atau inflasi. Maka, pengurusan permintaan domestik perlu diimbangkan di antara perbelanjaan dan pelaburan. Perbelanjaan swasta adalah penting untuk pertumbuhan ekonomi kerana ianya memberi kesan pengganda yang tinggi. Perbelanjaan menggalakkan pengeluaran, manakala pengeluaran pula memberi peluang pekerjaan kepada umum. Apabila pekerjaan di dalam ekonomi meningkat,

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

perbelanjaan akan turut meningkat, dan begitulah seterusnya berlaku di dalam kitaran ekonomi.

Perbelanjaan swasta yang tinggi akan meningkatkan inflasi. Untuk mengelakkan situasi ini, peningkatan permintaan domestik ini perlu diimbangi dengan pertumbuhan pelaburan. Pertumbuhan pelaburan di dalam ekonomi akan meningkatkan kapasiti pengeluaran. Peningkatan pengeluaran akan mengekang kenaikan harga.

Seperkara lagi perlu diambil perhatian adalah tentang ketirisan yang boleh berlaku di dalam kitaran di antara perbelanjaan dan pelaburan dan seterusnya pengeluaran di dalam ekonomi. Sekiranya peningkatan perbelanjaan swasta tidak diimbangi dengan pelaburan dalam negara untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran, import akan meningkat. Ini merupakan jalan pintas untuk melayan kenaikan permintaan domestik dan ianya memberi tekanan kepada kenaikan harga.

Pengurusan import yang baik untuk mengelakkan daripada tekanan kepada inflasi adalah dengan mengimbangi komponen yang diimport. Barangan yang diimport terbahagi kepada tiga komponen besar iaitu barangan modal, barangan perantaraan dan barangan pengguna. Barangan modal perlu untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran. Begitu juga barangan perantaraan boleh meningkatkan pengeluaran kerana ianya digunakan sebagai input kepada proses pengeluaran. Untuk mengekang kenaikan harga apabila permintaan domestik meningkat adalah dengan mengurangkan import barangan pengguna, lebih-lebih lagi di dalam situasi semasa dengan nilai ringgit yang rendah terutama berbanding dolar Amerika.

Pada tahun 2015, import barangan pengguna tumbuh pada kadar 24.1 peratus setahun. Manakala, import barangan modal dan barangan perantaraan menguncup pada kadar 0.3 peratus dan 2.1 peratus, masing-masing. Situasi ini adalah kurang sihat berdasarkan perbincangan di atas. Namun, keadaan di dapati bertambah baik berdasarkan data untuk tiga suku pertama untuk tahun 2016. Pada suku ketiga 2016, import barangan pengguna telah menguncup pada kadar 0.8 peratus setahun. Manakala, import barangan modal telah tumbuh pada kadar 15.6 peratus setahun. Import barangan perantaraan menguncup pada kadar 0.3 peratus setahun, selari

dengan kelemahan pasaran eksport kerana barangan perantaraan yang diimport kebanyakannya digunakan di dalam proses pengeluaran barangan eksport.

Dari segi strategi jangka panjang, pelaburan di dalam perusahaan kecil dan sederhana (PKS) perlu digembleng untuk mengimbangi peningkatan perbelanjaan swasta yang diberi keutamaan untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Pelaburan PKS akan meningkatkan pengeluaran domestik. Pada masa yang sama, usaha juga perlu ditingkatkan untuk PKS menembusi pasaran antarabangsa. Apabila keadaan pasaran antarabangsa pulih, PKS telah bersedia untuk meraih keuntungan, bukan baru mencari-cari prospek pasaran.

Dari sudut pergolakan ekonomi global, yang mempengaruhi arah aliran perdagangan antarabangsa, dua isu utama sering dikaitkan pada masa kini. Pertama, penurunan harga minyak yang telah berlarutan hampir dua tahun. Kedua, peningkatan sentimen perlindungan (*protectionism*) di kalangan ekonomi utama dunia. Kedua-dua isu ini, mempengaruhi permintaan untuk eksport Malaysia. Isu-isu ini akan dikupas di dalam keluaran akan datang dari segi kesan sebenar terhadap ekonomi Malaysia.

Di dalam konteks perbincangan sekarang, usaha kerajaan untuk memberi penumpuan kepada permintaan domestik untuk menjana pertumbuhan KDNK adalah bertepatan. Permintaan domestik jauh lebih besar dari segi sumbangan kepada KDNK benar negara, iaitu 91.5 peratus berbanding dengan eksport bersih barangan dan perkhidmatan yang hanya menyumbangkan 8.5 peratus.

Isu-isu yang mempengaruhi perdagangan global kini tidak akan memberi kesan jangka panjang terhadap ekonomi Malaysia, malahan mungkin ianya ada kebaikan terselindung. Apa yang perlu ditumpukan oleh negara kini, di samping pengurusan jangka pendek yang dibincangkan di atas, adalah berusaha untuk meningkatkan daya saing dari segi pengeluaran. Ini dapat dilakukan melalui peningkatan produktiviti. Usaha memperbaiki diri ini mempunyai jangkauan kebaikan yang luas di masa hadapan. Walau apa yang berlaku terhadap isu-isu semasa, negara sentiasa bersedia menempuhnya melalui usaha memperbaiki diri sendiri ini.